

DATE: 22/9/2007



MAHATHIR MOHAMAD

um-22/9/2007

Selera Dr. Mahathir tambah baik

KUALA LUMPUR 21 Sept. – Selera bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertambah baik dan beliau makan dengan sendiri, demikian menurut Institut Jantung Negara (IJN) hari ini.

IJN dalam satu kenyataan menjelaskan doktor kini memberi fokus kepada ekseksais tangan dan kaki, serta fisioterapi bagi mengoptimum fungsi pernafasan dan meningkatkan kekuatan otot beliau.

“Parameter beliau yang penting terus stabil,” kata IJN yang menambah Dr. Mahathir akan terus dipantau di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Dr. Mahathir, 81, yang menjalani pembedahan pintasan koronari kedua pada 4 September di IJN telah dimasukkan balik ke ICU pada 14 September selepas dikeluarkan dari wad tersebut ke Wad Bunga Raya biasa pada 12 September.

– Bernama